



**GERAN IMPAK SOSIAL YTM
GARIS PANDUAN PERMOHONAN
Versi 1.0**

Jun 2022

Garis Panduan Permohonan Geran Impak Sosial YTM

1.1 LATAR BELAKANG

Yayasan TM (“YTM”) kini dalam perjalanan transformasinya ke arah menjadi yayasan berimpak sosial yang dipacu dengan tujuan dan matlamat untuk memberikan impak yang lebih besar kepada masyarakat secara keseluruhan. YTM akan menerajui dan menyelaras inisiatif Tanggungjawab Korporat (CSR) Kumpulan TM dengan memberi tumpuan kepada tiga teras yang diperkukuh iaitu Pendidikan, Komuniti & Pembangunan Negara dan Pelancongan, Budaya & Warisan.

YTM turut menyokong peranan Kumpulan TM sebagai Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan tumpuan Kompas ‘TM Baharu’ bagi aspek Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) perniagaan untuk mengukuhkan lagi aspirasi Kumpulan TM sebagai syarikat Teknologi Berteraskan Insan dalam merealisasikan Digital Malaysia.

YTM akan menggunakan model yang lebih kolaboratif bagi menjalankan program ini yang memberikan penekanan terhadap capaian sambungan dan penyelesaian digital dalam menyokong keseluruhan ekosistem dengan organisasi yang berfikiran sama seperti Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Pertubuhan Masyarakat Sivil (CSO), Perusahaan Sosial, Yayasan dan Komuniti untuk memberikan kesan sosio-ekonomi yang lebih baik untuk penerima.

Mulai tahun 2022, YTM akan menawarkan geran bagi meluaskan jangkauan dan impak program lestari yang sejajar dengan visi kami. Kami mengalu-alukan cadangan program yang menyokong mana-mana tiga teras YTM, termasuk Alam Sekitar, untuk memberikan impak sosial yang bermakna untuk negara dan masyarakat.

Cadangan program tersebut haruslah merangkumi kebolehskalaan dan kebolehulangan program, berpeluang untuk menyokong perubahan dasar ke arah yang lebih baik, bagaimana impaknya boleh mengubah atau memangkin kemajuan selanjutnya dalam isu atau kawasan yang terjejas, serta kemampuan program.

1.2 TERMA RUJUKAN

Selaras dengan perjalanan transformasi YTM pada tahun 2021, kami kini menumpukan kepada tiga teras yang diperkukuh, Pendidikan, Komuniti & Pembangunan Negara dan Pelancongan, Budaya & Warisan, untuk melaksanakan program yang memberi impak, terutamanya untuk komuniti terpinggir. Oleh itu, kami mencari cadangan program yang sejajar dengan aspirasi YTM, yang mana berpotensi dalam mempunyai peluang yang lebih baik untuk diluluskan.



Garis Panduan Permohonan Geran Impak Sosial YTM

Terdapat **dua (2) jenis geran** yang akan ditawarkan:

| Jenis Geran | Geran Impak Sosial Emas YTM | Geran Impak Sosial Perak YTM |
|-------------------|--|-------------------------------------|
| Tempoh Projek | Jangka Sederhana: 6 bulan – 1 tahun | Jangka Pendek: 3 bulan – 6 bulan |
| Jumlah Geran (RM) | RM100,000 sehingga RM250,000 | RM50,000 sehingga RM100,000 |

Di bawah adalah bidang tumpuan dan jenis program yang berpotensi untuk kami sokong bagi setiap teras sebagai garis panduan permohonan anda.

A) PENDIDIKAN

| Bidang Tumpuan | Pendidikan Berkualiti kepada Pelajar Kurang Berkemampuan | Kemahiran & Literasi Digital | Pengurangan Isu Kerentanan dan Sosial di Kalangan Pelajar |
|----------------------------|---|---|---|
| Jenis Program | Program yang memberi tumpuan dan membantu pelajar yang kurang bernasib baik untuk meningkatkan tahap pendidikan | Program untuk memperkasakan golongan belia dengan teknologi dan kemahiran IR4.0 yang terkini | Program untuk mendidik kesedaran alam sekitar; keselamatan; kesihatan fizikal dan mental, kebersihan; dsb. |
| Lokasi | Seluruh Negara | | |
| Pencapaian yang diinginkan | Mencapai potensi penuh melalui pendidikan berkualiti dan pembelajaran sepanjang hayat | Melahirkan generasi celik digital dengan pengetahuan dan kemahiran IR4.0 sambil meningkatkan potensi dan kesediaan mereka untuk pekerjaan abad ke-21. | Meningkatkan pengetahuan pelajar tentang persekitaran yang mampan, menggalakkan kesihatan fizikal dan mental yang lebih baik, penjagaan diri, kebersihan, keselamatan, dsb. |

Garis Panduan Permohonan Geran Impak Sosial YTM

B) KOMUNITI & PEMBANGUNAN NEGARA

| Bidang Tumpuan | Kesiapsiagaan dan Pemulihan Bencana | Kehidupan yang Mampan | Kesejahteraan Kesihatan & Mental |
|----------------------------|--|---|---|
| Jenis Program | Memperkasa masyarakat dalam membina daya tahan melalui program kesiapsiagaan dan pemulihan. | Menyokong komuniti terpinggir, termasuk wanita, komuniti berkeperluan khas, warga emas, Orang Asli serta golongan B40. | Mempromosikan kesihatan mental dan kesejahteraan masyarakat melalui program pendidikan dan kesedaran, termasuk menyediakan bantuan emosi dan psikologi. |
| Lokasi | Seluruh Negara | | |
| Pencapaian yang diinginkan | Komuniti yang memerlukan mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi bencana semasa fasa kesiapsiagaan dan pemulihan. | Komuniti terpinggir mempunyai pengetahuan dan kemahiran seperti kemahiran digital dan keusahawanan dan didedahkan kepada penyelesaian digital/terkini yang membolehkan mereka menjana pendapatan yang lebih mampan. | Tahap kesedaran dan pengetahuan Komuniti mengenai kesihatan dan mental semakin meningkat serta berpotensi mengurangkan permasalahan sosial. |

C) PELANCONGAN, BUDAYA & WARISAN

| Bidang Tumpuan | Seni & Industri Kreatif | Pemeliharaan Warisan |
|----------------------------|---|---|
| Jenis Program | Program yang menyokong inovasi, digital, kerancangan dan kreativiti dalam sektor kesenian, kreatif dan budaya Malaysia. | Program pemeliharaan warisan budaya tidak ketara contohnya, lagu, muzik, drama, bahasa dan kraf dll |
| Lokasi | Seluruh Negara | |
| Pencapaian yang diinginkan | Membina komuniti yang lebih kuat melalui seni, kreatif dan budaya dengan mempergiatkan penggunaan teknologi digital dan inovasi untuk masa depan yang mampan. | Pemeliharaan dan pemuliharaan, perkongsian pengetahuan tentang warisan budaya unik Malaysia untuk generasi akan datang. |

Garis Panduan Permohonan Geran Impak Sosial YTM

D) ALAM SEKITAR (boleh menjadi sebahagian daripada tiga teras di atas)

| Bidang Tumpuan | Mewujudkan Persekitaran Lestari |
|----------------------------|---|
| Jenis Program | Program untuk mewujudkan kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar di samping memelihara dan memulihara sumber asli, ekosistem, marin, flora dan fauna. |
| Lokasi | Seluruh Negara |
| Pencapaian yang diinginkan | Peningkatan kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di kalangan komuniti. |

1.3 KELAYAKAN PERMOHONAN

Bahagian berikut menetapkan kriteria untuk penyerahan, pemilihan dan pelaksanaan program yang disokong oleh YTM.

1.3.1. Kelayakan Pemohon

Kelayakan untuk menerima geran, pemohon mestilah:

| Geran Impak Sosial Emas YTM | Geran Impak Sosial Perak YTM |
|--|--|
| Berdaftar secara sah mengikut kawasan tempatan dengan pihak berkuasa yang berkaitan (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia atau Suruhanjaya Syarikat) di Malaysia atau syarikat berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 untuk perusahaan sosial atau organisasi berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952. | Berdaftar secara sah mengikut kawasan tempatan dengan pihak berkuasa yang berkaitan (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia atau Suruhanjaya Syarikat) di Malaysia atau syarikat berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 untuk perusahaan sosial atau organisasi berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952. |
| Telah dibentuk dan didaftarkan sekurang-kurangnya dua tahun sebelum dipertimbangkan untuk geran YTM. | Telah dibentuk dan didaftarkan sekurang-kurangnya satu tahun sebelum dipertimbangkan untuk geran YTM. |
| Rekod prestasi projek atau program pelaksanaan selama dua tahun yang lalu. | Rekod prestasi projek atau program pelaksanaan selama satu tahun yang lalu. |
| Bertanggungjawab secara langsung untuk penyediaan dan pengurusan cadangan dan tidak bertindak sebagai perantara. | Bertanggungjawab secara langsung untuk penyediaan dan pengurusan cadangan dan tidak bertindak sebagai perantara. |
| Mempunyai kapasiti dengan struktur sedia ada bagi membolehkan projek dimulakan dengan segera. | Mempunyai kapasiti dengan struktur sedia ada bagi membolehkan projek dimulakan dengan segera. |
| Mempunyai proses audit dalaman untuk audit tahunannya. | Mempunyai proses audit dalaman untuk audit tahunannya. |

Garis Panduan Permohonan Geran Impak Sosial YTM

Kriteria kelayakan lain yang berkaitan

- Pemohon boleh menghantar permohonan cadangan program yang lain pada masa yang sama. Contoh: Cadangan program untuk bidang tumpuan yang berlainan.
- Pemohon daripada perusahaan sosial - ditakrifkan sebagai organisasi atau syarikat berdaftar yang misi utamanya adalah untuk menyokong bagi tujuan sosial, dan mempunyai sumber pendapatan yang mampu mengekalkan misi mereka
- Institusi awam dan perundingan boleh memohon sebagai pemohon bersama dengan NGO/CSO lain sebagai pemohon utama.

1.3.2. Kelayakan Program

Jenis aktiviti yang mungkin akan disokong di bawah Geran Kesan Sosial YTM:

Inklusiviti

- Aktiviti yang menyasarkan dan menangani keperluan 50% terbawah komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan, terdedah dan terpinggir di Malaysia
- Aktiviti yang menggalakkan keterangkuman sosial, pemerkasaan ekonomi dan pembinaan modal insan; dan mampu memulakan semula atau menjana aktiviti ekonomi baharu untuk mengekalkan komuniti
- Aktiviti dengan penyelesaian inovatif kepada isu sosial sedia ada

Pelaksanaan Program

- Aktiviti pendidikan dan latihan yang berkaitan dengan teras YTM
- Penyediaan perkhidmatan sosial, termasuk perkhidmatan kaunseling (kesejahteraan mental dan sokongan psikososial kepada komuniti rentan dll) dan perlindungan wanita dan kanak-kanak yang memerlukan.

Lain-lain Kriteria kelayakan

- Projek yang dicadangkan mesti sejajar dengan satu atau lebih dengan teras YTM.
- Aktiviti yang dicadangkan mesti menunjukkan keupayaan untuk menghasilkan kesan yang boleh diukur (keputusan jangka pendek), hasil (keputusan jangka pertengahan) dan impak sosial (keputusan jangka panjang) dalam bidang tumpuan yang dipilih.
- Pemohon mesti menunjukkan keupayaan program yang dicadangkan untuk menjadi sebahagian daripada sumber komuniti yang mampan setelah selesai.
- Pemohon mesti menunjukkan keupayaan program yang dicadangkan untuk dipertingkatkan atau diperluaskan merentasi pelbagai wilayah/daerah di Malaysia mahupun penerima, serta keupayaan projek dilaksanakan di kawasan atau komuniti berlainan.
- Aktiviti yang dicadangkan harus mewujudkan dan menggalakkan perubahan pelbagai aspek dalam bidang ke arah masa depan yang lebih baik untuk masyarakat di Malaysia.

Jenis inisiatif berikut yang **tidak layak**:

- Derma atau pemberian terus kepada individu.
- Inisiatif berkaitan dengan tajaan individu untuk penyertaan dalam bengkel, seminar, persidangan dan kongres; atau untuk pengajian atau kursus latihan.
- Inisiatif menangani masalah kesihatan atau sebarang masalah lain yang tidak sejajar dengan teras dan bidang tumpuan YTM.
- Inisiatif yang menyokong kempen politik.

Garis Panduan Permohonan Geran Impak Sosial YTM

- Inisiatif pada asasnya tertumpu pada aktiviti pembinaan, pembelian peralatan, pembelian dan pengubahsuaian bangunan atau pejabat untuk tujuan komersial.
- Inisiatif seperti derma amal dan aktiviti yang bertujuan mengaut keuntungan.
- Inisiatif yang telah dibiayai oleh YTM dan dilaksanakan sebelum tarikh tandatangan kontrak.
- Inisiatif yang melibatkan bantuan segera kepada penerima seperti menyediakan bantuan makanan, barangan kebersihan, barangan penjagaan bayi dan kanak-kanak, topeng, PPE dan disinfektasi.
- Aktiviti berasaskan agama

1.3.3. Kos Kelayakan

YTM hanya akan menyokong 'kos yang layak'. Kategori kos yang tidak layak dinyatakan seperti di bawah. Adalah penting bagi pemohon menyediakan belanjawan yang realistik dan kos efektif.

KOS YANG TIDAK LAYAK

1. Duti kastam dan import, atau sebarang caj lain
2. Pembelian atau pemajakan tanah dan bangunan sedia ada
3. Denda, penalti kewangan dan perbelanjaan litigasi
4. Caj bank, kos jaminan dan caj yang serupa
5. Kos penukaran, caj dan kerugian pertukaran, serta perbelanjaan kewangan yang lain
6. Sumbangan dalam bentuk barangan
7. Kos susut nilai
8. Hutang dan caj perkhidmatan hutang
9. Peruntukan untuk kerugian atau potensi liabiliti masa hadapan
10. Kredit kepada pihak ketiga
11. Kos gaji kakitangan pentadbiran negara atau awam


Garis Panduan Permohonan Geran Impak Sosial YTM

1.4 PROSES PERMOHONAN

Untuk panduan langkah-langkah tentang cara memohon geran, sila klik pautan permohonan geran di: <https://www.tm.com.my/yayasantm/pages/ytmgrant.html>.

Carta aliran di bawah menunjukkan proses permohonan Geran Kesan Impak Sosial YTM.

PROSES PERMOHONAN GERAN IMPAK SOSIAL YTM



Garis Panduan Permohonan Geran Impak Sosial YTM

1.4.1 Melengkapkan Borang Permohonan

Hanya pemohon yang layak akan dibenarkan mengemukakan permohonan untuk Geran Impak Sosial YTM. Untuk menilai sama ada organisasi anda layak memohon, sila lengkapkan borang Senarai Semak Kelayakan (tersedia untuk dimuat turun di halaman Geran di laman web YTM).

Sila lengkapkan Borang Permohonan (seperti contoh) dengan teliti dan sejelas yang mungkin. Sesetengah ruang mesti mengandungi maklum balas. Jika jawapan anda Tidak Berkenaan, anda mesti menyatakan 'Tidak Berkenaan'.

Sebarang maklumat yang tidak konsisten dalam Borang Permohonan boleh menyebabkan permohonan ditolak. Permohonan lengkap mestilah dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia.

Hanya Borang Permohonan yang lengkap berserta dengan dokumen yang berkaitan, akan disemak. Oleh itu, amat penting bahawa dokumen berikut mengandungi semua maklumat yang berkaitan mengenai cadangan program. Dokumen-dokumen tersebut adalah:

- Salinan sijil pendaftaran dengan ROS, ROC atau mana-mana badan pendaftaran yang berkaitan.
- Senarai Semak Kelayakan.
- Geran Impak Sosial Emas YTM: Akaun kewangan yang diaudit dan/atau laporan aktiviti/program terkini untuk setahun yang lepas.
- Geran Impak Sosial Perak YTM: Mengaudit akaun kewangan untuk dua tahun kebelakangan ini.
- Penerbitan terkini, artikel berita, kehadiran media sosial atau bahan lain yang berkaitan tentang organisasi atau projek, jika berkenaan (ini adalah pilihan, sebarang ketidakserahan tidak akan menjejaskan penilaian cadangan).

Anda boleh menghantar lebih daripada satu permohonan untuk cadangan program yang berbeza pada tahun geran ditawarkan.

Pemohon boleh meminta penjelasan lanjut semasa proses permohonan. Sebarang pertanyaan berkaitan geran boleh disalurkan melalui e-mel kepada yayasantm.grant@tm.com.my selewat-lewatnya tujuh hari bekerja sebelum tarikh tutup geran.

Garis masa permohonan Geran Impak Sosial YTM bagi tahun 2022 seperti di bawah:

| Aktiviti | Tarikh |
|-----------------------------------|--------------------------|
| Pembukaan Permohonan Geran | 16 Jun 2022 |
| Penyerahan Permohonan Geran Tutup | 31 Ogos 2022 |
| Sesi Pembentangan & Tawaran | September – Oktober 2022 |
| Pengeluaran Dana | November 2022 |
| Permulaan & Pelaksanaan Projek | Disember 2022 |

Garis Panduan Permohonan Geran Impak Sosial YTM

1.5 PENILAIAN DAN PEMILIHAN PERMOHONAN

Permohonan geran akan disemak dan dibincangkan oleh Jawatankuasa Geran Impak Sosial YTM yang terlibat.

Semua pemohon akan dinilai berdasarkan:

1. Perkaitan dan penjajaran projek dengan asas YTM, khususnya bidang tumpuan TM seperti yang ditetapkan dalam perkara 1.2
2. Penjajaran kepada satu atau lebih Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)
3. Perkaitan dengan masyarakat yang memerlukan
4. Kos dan belanjawan
5. Kapasiti dan keupayaan penyampaian dan pelaksanaan

Sesi pembentangan akan diatur antara pemohon dan YTM untuk permohonan yang disenarai pendek untuk pembentangan mengenai pelan pelaksanaan projek dan perkara lain yang berkaitan dengan projek dengan lebih lanjut.

Kualiti permohonan, termasuk pelan pelaksanaan dan bajet yang dicadangkan, akan dinilai menggunakan kriteria penilaian tertentu.

Kelayakan pemohon akan dibatalkan daripada Geran Impak Sosial YTM sekiranya pemohon memberikan maklumat palsu.

1.6 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN

Jawatankuasa Kelulusan Geran Impak Sosial YTM akan menyemak dan membincangkan permohonan secara terperinci. Pemohon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi pembentangan dan mungkin diminta untuk mengemaskini semula permohonan mereka sekiranya difikirkan perlu sebelum kelulusan akhir dibuat.

Pemohon akan dimaklumkan melalui emel dan diikuti dengan tawaran kontrak berdasarkan Perjanjian Geran Impak Sosial YTM sekiranya permohonan geran berjaya.

1.7 PEMBAYARAN DANA

Berikutan keputusan untuk menawarkan geran, pemohon akan ditawarkan kontrak berdasarkan Perjanjian Geran Impak Sosial YTM yang akan merangkumi cadangan program akhir yang telah dipersetujui bersama, pelan kerja dan jadual palaporan.

Pihak YTM akan berkomunikasi dengan pemohon untuk membincangkan kaedah dan fasa pembayaran dana, mengikut garis masa dan aktiviti/keperluan projek.

1.8 GARIS PANDUAN PENJENAMAAN

Sebarang penggunaan jenama secara dalam talian dan/atau bercetak, reka bentuk material promosi, logo dan nama projek mesti mematuhi garis panduan penjenamaan TM dan mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada YTM.

Garis Panduan Permohonan Geran Impak Sosial YTM

1.9 PEMANTAUAN DAN PELAPORAN

YTM akan memantau perkembangan projek dari semasa ke semasa. Pemohon juga mesti merekodkan setiap kemajuan projek dengan pengumpulan data dan foto/video yang sesuai untuk tujuan pelaporan.

Laporan lengkap yang mengandungi status dan kemajuan projek terkini hendaklah dikemukakan mengikut jadual yang dipersetujui menggunakan templat yang disediakan oleh YTM.

Pemohon boleh diminta untuk mengatur perbincangan lanjut jika perlu.

----- Dokumen Tamat -----